KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	21.09.22	MUKA SURAT	:	2
JABATAN	:	JMG			



KERJA pencarian diteruskan di tapak kuari Keramat Pulai.

Bangkai jengkaut ditemui selepas 7 bulan

Ipoh: Tujuh bulan selepas insiden runtuhan batu di tapak kuari Keramat Pulai, Simpang Pulai di sini yang menyebabkan dua mangsa tertimbus, sebuah jengkaut dan rangka tulang dipercayai milik manusia bersama cebisan baju ditemukan di lokasi kejadian semalam.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) Perak, Azmi Osman yang mengesahkan perkara itu berkata, penemuan bangkai jengkaut dibuat kira-kira jam 11.45 pagi oleh pasukan pencari.

Katanya, kira-kira setengah jam kemudian pencarian di kawasan sekitar turut menemukan cebisan baju dan rangka tulang dipercayai milik manusia.

"Bangkai jengkaut serta cebisan baju dan tulang itu ditemukan pada kedalaman 3 hingga 4.5 meter dan kira-kira 22 meter dari jarak titik pencarian sebelum ini," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Azmi berkata, bagaimana pun setakat pihaknya [illegible] dapat memastikan [illegible] muan cebisan baju d[illegible] lang manusia berkenaa[illegible] lik siapa.

Katanya, operasi berkenaan mendapat kerjasama daripada bomba, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Mineral dan Geosains Perak dan syarikat kuari.

"Susulan penemuan berkenaan, kita menggerakkan operasi bagi mencari satu lagi bangkai jengkaut yang [illegible]percayai tertimbus dalam [illegible]den terbabit," katanya.

[illegible]adian runtuhan batu di [illegible]k kuari itu pada 8 Mac [illegible] mengakibatkan dua mangsa tertimbus iaitu Itam Lasoh, 43, dan Kheow Loo Siew Soon, 49.

Seorang lagi mangsa berusia 35 tahun yang mengalami patah tulang kaki dihantar ke Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) untuk rawatan manakala rakannya berusia 38 tahun cedera ringan.